



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2020**

GARIS PANDUAN PEMUATAN DAN PENGANGKUTAN KAYU BALAK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali berlesen kenderaan pemuatan dan pengangkutan kayu balak serta pembalak berlesen berhubung Garis Panduan Pemuatan Dan Pengangkutan Kayu Balak di Semenanjung Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penggunaan kenderaan berat merupakan kaedah pengangkutan utama kayu balak daripada kawasan hutan ke lokasi industri pemprosesan di Semenanjung Malaysia. Kerajaan memandang serius terhadap isu-isu keselamatan kenderaan yang membawa muatan kayu balak di atas jalanraya. Kemalangan melibatkan kenderaan yang membawa muatan kayu balak boleh menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan kepada orang awam.

- 2.2 Dalam merangka garis panduan ini, pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah agensi yang bertanggungjawab bagi menyedia dan menyelaraskan garis panduan ini dengan melibatkan beberapa agensi lain seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

3.0 OBJEKTIF

Garis Panduan ini adalah untuk menerangkan tentang prosedur dan spesifikasi kenderaan yang dibenarkan untuk membawa muatan kayu balak dengan selamat.

4.0 PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 4.1 Pemegang lesen bagi kenderaan pemuatan dan pengangkutan kayu balak (melibatkan kenderaan rigid/ tegar dan bersendi) hendaklah mematuhi Buku Garis Panduan Pemuatan Dan Pengangkutan Kayu Balak yang diterbitkan oleh JPSM pada tarikh 19 Ogos 2019. Buku ini boleh dilayari menerusi laman sesawang JPSM (www.forestry.gov.my).
- 4.2 Buku garis panduan ini hendaklah digunakan sebagai dokumen rujukan oleh setiap pemegang lesen bagi kenderaan pemuatan dan pengangkutan kayu balak. Buku garis panduan ini akan dikemaskini dengan penerbitan buku garis panduan versi baru dari masa ke semasa.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Garis Panduan Pemuatan Dan Pengangkutan Kayu Balak ini terpakai kepada semua pemegang lesen bagi kenderaan pemuatan dan pengangkutan kayu balak (melibatkan kenderaan rigid/ tegar dan bersendi) di Semenanjung Malaysia.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya ditandatangani.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 30.01.2020